

PERMOHONAN KOMITAL TERHADAP PEGUAM NEGARA

# 'Seolah-olah inkues ini wayang'

Sarah Zulkifli  
sarah@hmetro.com.my

Shah Alam

Mahkamah Koroner di sini, semalam membenarkan permohonan komital (menghina mahkamah) difailkan bapa anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib, Mohd Kassim Abdul Hamid terhadap Peguam Negara, Tommy Thomas berhubung inkues kematian mangsa.

Koroner Rofiah Mohamad membuat keputusan selepas meneliti dokumen, affidavit dan hujahan kedua-dua pihak melalui peguam Haniiff Katri Abdulla yang mewakili Mohd Kassim selaku pemohon dan Peguam Kanan Persekutuan, S Narkunavathy yang mewakili Tommy selaku defendan.

Rofiah dalam penghakimannya berkata, mahkamah berpuas hati wujudnya prima facie atas imbalan kebarangkalian kedua-dua pihak.

"Inkues kematian Muhammad Adib mendapat perhatian berprofil tinggi dan berkepentingan awam serta dilaporkan media," katanya.

Menurutnya, menerusi affidavit dikemukakan bekas Pegawai Pengendali, Hamdan Hamzah pada 3 April lalu, ia menjadi rentetan hingga orang ramai menggesa supaya inkues itu digantikan dengan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI).

"Ini sekali gus menimbulkan persepsi terhadap inkues dijalankan oleh saya atas ara-



**FAKTA**  
Mahkamah tetap  
23 September bagi  
pendengaran,  
pengurusan kes

HANIFF Katri (tengah) yang mewakili keluarga Muhammad Adib bercakap kepada wartawan di mahkamah, semalam.

han Peguam Negara untuk mengetahui punca kematian Muhammad Adib.

"Perkara ini seolah-olah meletakkan inkues ini hanyalah wayang dan hingga orang luar terpenggil untuk menubuhkan RCI," katanya. Selain itu, mahkamah menetapkan 23 September bagi pendengaran dan pengurusan kes.

Pada 16 Julai lalu, Mohd Kassim, bapa Muhammad Adib yang maut dalam rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, Subang Jaya pada tahun lalu, memfailkan permohonan perintah komital terhadap Tommy kerana menghina mahkamah berkaitan prosiding inkues bagi mencari punca kematian anaknya.

Permohonan sebelah pihak (ex-parte) itu dibuat melalui Tetuan Mohd Zubir Embong & Associate.